

Baca dan fahami ayat di bawah ini dengan teliti. Kemudian nyatakan **BETUL** atau **SALAH** pada penggunaan KATA GANDA BERENTAK dalam ayat tersebut.

1	Hati Amalia kumat-kamit apabila mendapati kura-kura kesayangannya hilang.	BETUL	SALAH
2	Guru disiplin sentiasa memerhati tindak-tanduk murid-murid yang nakal itu.	BETUL	SALAH
3	Mulut Haziq kumat-kamit membaca ayat Al-Quran ketika melalui kawasan yang menyeramkan itu.	BETUL	SALAH
4	Cairol gembira apabila biliknya kembali terang-benderang setelah bekalan elektrik disambung semula.	BETUL	SALAH
5	Qeisyia dalam keadaan sorak-sorai ke sekolah kerana takut ketinggalan bas.	BETUL	SALAH
6	Muka peninju itu kelam-kabut setelah habis perlawanan.	BETUL	SALAH
7	Dia seorang yang sangat kaya-raya dan pemurah kepada semua orang.	BETUL	SALAH
8	Hati Pak Ali remuk-redam melihat kelakuan anaknya yang tidak peduli segala nasihat yang diberikannya.	BETUL	SALAH
9	Tanah-tanih di belakang rumah saya sangat sesuai untuk menanam pokok buah-buahan.	BETUL	SALAH
10	Pelawak itu bersemangat membuat persembahan setelah mendengar sorak-sorai dari para penonton.	BETUL	SALAH
11	Budak itu mengikut terang-benderang penyanyi kesukaanya.	BETUL	SALAH
12	Muka Hanafi tanah-tanih setelah bergaduh dengan rakan-rakannya di sekolah.	BETUL	SALAH